

**PEMBERITAHU PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

---

**PERTANYAAN** : **LISAN**  
**DARIPADA** : **DATO' DR. TAN KEE KWONG**  
**[ WANGSA MAJU ]**  
**TARIKH** : **ISNIN, 13 OKTOBER 2014**  
**RUJUKAN** : **L4 [PR-1323-L63805]**  
**SOALAN** :

**Dato' Dr. Tan Kee Kwong [ Wangsa Maju ]** minta **MENTERI WILAYAH PERSEKUTUAN** menyatakan bagaimanakah proses bajet DBKL 2015 dibuat dan adakah Ahli-ahli Parlimen Wilayah Persekutuan diberi peluang untuk mengambil bahagian dalam proses ini.

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat Wangsa Maju, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur telah pun mengadakan Bengkel Bajet 2015 bersama '*focus group*' pada 17 Sepetember 2014. Seramai 260 peserta telah dijemput mengambil bahagian di dalam bengkel ini terdiri daripada majlis perwakilan penduduk setiap parlimen, persatuan penduduk, persatuan peniaga dan penjaja pertubuhan bukan kerajaan (NGO), pesara, warga emas, ibu tunggal, Orang Kurang Upaya (OKU), golongan belia serta Kementerian dan Agensi yang berkaitan.

Bengkel ini diadakan bagi mendapatkan pandangan dan penglibatan kumpulan sasar dalam proses merangka Bajet Dewan Bandaraya Kuala Lumpur 2015 bagi membincang serta mengemukakan perancangan program dan aktiviti dengan memfokuskan kepada program-program utama seperti berikut:

- 1) Program Pembersihan Bandar dan Kesihatan
- 2) Program Kemudahan Infrastruktur Jalan Raya, Sistem Lalulintas dan Saliran
- 3) Program Penghijauan, Pengindahan Taman dan Kemudahan Rekreasi
- 4) Program Perumahan Awam dan Perumahan Rakyat
- 5) Program Pembangunan Bandar
- 6) Program Pembangunan Komuniti
- 7) Program Penguatkuasaan
- 8) Program Pengurusan Penjaja dan Perniagaan
- 9) Program Kebudayaan, Sukan dan Pelancongan

Pandangan, idea, syor dan penglibatan kumpulan sasaran ini dianggap penting pada peringkat awal penyediaan bajet bagi memastikan perancangan bajet Dewan Bandaraya Kuala Lumpur adalah realistik serta mengambil kira keperluan sebenar masyarakat dan dapat memberi impak yang positif dan manfaat kepada warga kota secara holistik.

Seperti mana tahun-tahun sebelumnya, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur juga akan mengadakan sesi dialog bersama ahli-ahli parlimen berkaitan Bajet Dewan Bandaraya Kuala Lumpur 2015 yang dijangka akan diadakan pada 24 Oktober 2014.